

Bani Israil dan Sumpahan Menjadi Kera: Surah al-Baqarah (2: 62-66)

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia
qamar@utm.my

Suggested Citation:

Jasmi, Kamarul Azmi (2021). Bani Israil dan Sumpahan Menjadi Kera: Surah al-Baqarah (2: 62-66). *Siri Tafsir Sempena Budaya al-Quran. Siri 12*. Johor Bahru: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. ISBN 978-967-2171-80-5.

Abstract

Bani Israil dan Sumpahan Menjadi Kera: Surah al-Baqarah (2: 62-66), Siri 12 merupakan siri buku tafsir al-Quran bersempena dengan Program Budaya al-Quran yang dilaksanakan oleh Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Pensyaran penting untuk umat manusia selamat daripada azab selepas mati dan azab neraka di alam akhirat ketika era perutusan Nabi Muhammad SAW adalah dengan beriman kepada Allah SWT serta beriman dan mengikuti syariat Nabi Muhammad SAW. Buku ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah *al-Baqarah (2: 62-66)* daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat tiga pengajaran penting yang boleh diambil daripada tafsiran ayat, iaitu hanya Islam dengan syariat Nabi Muhammad yang boleh menjadi penyelamat kepada setiap manusia di alam akhirat, pengajaran daripada perjanjian Allah SWT kepada Bani Israil untuk berpegang teguh kepada kitab Taurat, dan bahasan melanggar perintah Allah SWT.

References

- Al-Qurtubi, Muhammad Ahmad. 2003. *Jami' bayan al-'ilm wa Fadlihi*. Hisyam Samir al-Bukhari (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar 'Alim al-Kutub.
- Al-Razi, Muhammad 'Umar. 1999. *Mafatih al-Ghayb - al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Araby.

- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn Abi Hatim, 'Abdul Rahman. 1998. *Tafsir al-Quran al-'Azim li bin Abi Hatim*. As'ad Muhammad al-Tayyib (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Bittah, 'Ubaydullah. 1983. *Ibtal al-Hiyal*. Zuhayr al-Shawish (Ed.). Beirut: Al-Matab al-Islami.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018. *Kaum Bani Israil dan Balasan Keingkarannya: Surah al-Baqarah (2: 58-61)*. Kertas Kerja dalam Siri 14: Program Budaya al-Quran, 20 Disember 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019. *Bani Israil dan Sumpahan Menjadi Kera: Surah al-Baqarah (2: 62-66)*. Kertas Kerja dalam Siri 15: Program Budaya al-Quran, 1 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021a. *Bani Israil dan Balasan Keingkarannya: Surah al-Baqarah (2: 58-61)*. Jld. 11. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021b. *Bani Israil dan Sumpahan Menjadi Kera: Surah al-Baqarah (2: 62-66)*. Jld. 12. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.



**SIRI BUKU TAFSIR
SEMPENA BUDAYA AL-QURAN**

**Siri 12
Bani Israil dan Sumpahan Menjadi Kera
Surah al-Baqarah (2: 62-66)**

Kamarul Azmi Jasmi

**SIRI BUKU TAFSIR
SEMPENA BUDAYA AL-QURAN**

**Siri 12
Bani Israil dan Sumpahan Menjadi Kera
Surah *al-Baqarah* (2: 62-66)**

Kamarul Azmi Jasmi

Edisi Pertama Julai 2021
©KAMARUL AZMI JASMI 2021

Hak cipta terbuka. Dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain dengan memberi kredit rujukan kepada penulis dan Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Kamarul Azmi Jasmi

BANI ISRAIL DAN SUMPAHAN MENJADI KERA : SURAH *AL-BAQARAH*
(2:62-66) / Kamarul Azmi Jasmi.

(SIRI BUKU TAFSIR SEMPENA BUDAYA AL-QURAN ; SIRI 12)

ISBN 978-967-2171-80-5

1. Qur'an. Surat *al-Baqarah*-Criticism, interpretation, etc.
2. Qur'an-Criticism, interpretation, etc.
3. Qur'an-Translating.
4. Government publications-Malaysia.

I. Judul. II. Siri.

297.1229

Kulit dan Pengatur huruf oleh / *Typeset by*

KAMARUL AZMI JASMI

Fakulti Tamadun Islam

UTM, Johor Bahru

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

AKADEMI TAMADUN ISLAM

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,

81310 UTM Johor Bahru,

Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

KANDUNGAN

Prakata	iv
Pengenalan	1
Tafsiran Ayat	4
Surah <i>al-Baqarah</i> (2: 62)	4
Surah <i>al-Baqarah</i> (2: 63-64)	12
Surah <i>al-Baqarah</i> (2: 65-66)	17
Pengajaran Ayat	35
Hanya Islam dengan Syariat Nabi Muhammad yang Boleh Menjadi Penyelamat daripada Azab Akhirat	35
Perjanjian Bani Israil untuk Berpegang Teguh kepada Taurat	36
Bahana Melanggar Perintah Allah SWT	37
Rumusan	39
Rujukan	41
Indeks	43
Biodata	44

PRAKATA

Segala puji bagi Allah SWT dan selawat dan salam ke atas junjungan Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda, dan para sahabatnya.

Penulis mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana memberikan kekuatan kepada penulis untuk berkongsi pengetahuan daripada pengkajian dan pembacaan dalam bidang tafsir al-Quran. Pengkajian dan penulisan tafsir ini adalah bersempena dengan Program Budaya al-Quran (PBQ) yang dipertanggungjawabkan pada setiap minggu di Kolej Tun Fatimah, Universiti Teknologi Malaysia.

Tulisan ini akan menfokuskan kepada setiap surah dan ayat yang dibaca dan dibincangkan ketika sesi PBQ tersebut dengan melihat kepada beberapa aspek berikut:

- (1) Ayat al-Quran dan terjemahan.
- (2) Pengenalan. Bahagian ini yang menfokuskan latar belakang surah dan ayat sekiranya diperlukan
- (3) Tafsiran ayat.
- (4) Keutamaan surah dan ayat.
- (5) Pengajaran yang boleh diambil daripada surah dan ayat.
- (6) Rumusan.

Semua terjemahan al-Quran yang digunakan dalam buku ini menggunakan terjemahan tafsir Ustaz Abdullah Basmeih (1999) yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan sedikit pengeditan daripada segi bahasa yang lebih terkini.

Manakala tafsiran ayat adalah menggunakan kaedah *tafsir bi al-ma'thur* dengan menjadikan kitab tafsir Ibn al-Kathir (1999) sebagai rujukan tafsir yang utama dan disokong pula dengan beberapa buku tafsir yang lain yang semuanya bersifat *turath al-Islami*. Pada bahagian

tafsir ini juga, penulis juga akan mentakhrijkan semua hadis yang dikeluarkan oleh imam hadis dengan mengikut gaya takhrij hadis yang diketengahkan oleh Imam al-Nawawi (1983, 1998) serta disertakan nombor hadis dan hanya memilih hadis yang pernah dibukukan oleh mana-mana imam hadis sebagai sebahagian daripada huraian tafsir.

Akhir sekali, pada bahagian pengajaran ayat, penulis akan menyimpulkan intipati ayat tentang aspek yang boleh dijadikan pengajaran kepada para pembaca sama ada dalam bentuk pengetahuan, pemahaman, dan pengamalan yang boleh diambil pengajaran dengan menjadikan rujukan yang dibincangkan dalam perbincangan kelebihan ayat dan tafsiran ayat sebagai hujah dan dalil terhadap pengajaran tersebut. Hal ini supaya pengajaran ayat tersebut tidak terkeluar daripada kaedah *tafsir bi al-Ma'thur* yang menjadi teras kepada kaedah penghuraian tafsir ini.

Harapan penulis dengan tulisan ini agar ilmu yang dikaji dan ditulis untuk sesi PBQ itu dapat dipanjangkan kepada masyarakat Melayu Islam di seluruh dunia. Tulisan ini tidak lain adalah untuk dimanfaatkan oleh umat Islam agar segala nasihat dan pesanan Allah SWT yang Maha Esa mampu diamalkan oleh umat Islam dalam kehidupan.

Prof. Madya Dr. Kamarul Azmi Jasmi
Akademi Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia
2018

PENGENALAN

Selepas Allah SWT menceritakan kedurjanaan dan keingkaran Bani Israil serta balasan yang mereka terima daripada keingkaran tersebut (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2018, 2021a), Allah SWT meneruskan firman-Nya tentang pensyaratan utama untuk semua golongan manusia yang inginkan keselamatan dan kesejahteraan di alam akhirat, iaitu mestilah beriman dan beramal soleh (Jasmi, 2019, 2021b). Dua pensyaratan ini membolehkan mereka terselamat daripada azab selepas kematian dan terselamat daripada azab neraka. Dalam pada itu, Allah SWT masih menyebut tentang beberapa lagi keingkaran kaum Yahudi daripada segi melanggar perjanjian dan perintah Allah SWT. Keingkaran terhadap perintah Allah SWT tersebut menyebabkan ada segolongan daripada kalangan Bani Israil ini yang disumpah menjadi kera. Semua kisah tersebut tercatat dalam firman Allah SWT berikut:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالصَّالِينَ وَالصَّابِرِينَ مَنْ
ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ
رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٦٢﴾ وَإِذْ أَخَذْنَا
مِيثَاقَكُمْ وَرَفَعْنَا فَوْقَكُمُ الطُّورَ خُذُوا مَا ءَاتَيْنَاكُمْ
بِقُوَّةٍ وَاذْكُرُوا مَا فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٦٣﴾ ثُمَّ تَوَلَّيْتُمْ

مِّنْ بَعْدِ ذَلِكَ ^{٦٤} فَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ لَكُنْتُمْ مِنَ
 الْخَاسِرِينَ ﴿٦٥﴾ وَلَقَدْ عَامَتْهُمُ الَّذِينَ اعْتَدُوا مِنْكُمْ فِي السَّبْتِ
 فَقُلْنَا لَهُمْ كُونُوا قِرَدَةً خَاسِئِينَ ﴿٦٦﴾ فَجَعَلْنَاهَا نَكَالًا لِّمَا
 بَيْنَ يَدَيْهَا وَمَا خَافَهَا وَمَوْعِظَةً لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٦٧﴾

Maksud: Sesungguhnya orang yang beriman, dan orang Yahudi dan orang Nasara (Nasrani), dan orang Saabi'ın sesiapa antara mereka itu beriman kepada Allah dan (beriman kepada) hari akhirat serta beramal soleh, maka bagi mereka pahala balasannya di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) kepada mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita. (62) Dan (ingatlah), ketika Kami mengambil perjanjian setia kamu semasa Kami angkatkan Gunung Tursina di atas kamu (sambil Kami berfirman), “Terimalah Taurat yang Kami berikan kepada kamu (serta amalkanlah) dengan bersungguh-sungguh, dan ingatlah (jangan lupakan) apa yang tersebut dalamnya, supaya kamu bertaqwa. (63) Kemudian sesudah itu kamu membelakangkan perjanjian setia kamu itu (tidak menyempurnakannya); maka kalau tidaklah kerana limpah kurnia Allah dan belas kasihannya kepada kamu (dengan membuka pintu taubat), nescaya menjadilah kamu dari golongan orang yang rugi. (64) Dan sesungguhnya kamu mengetahui (bagaimana buruknya akibat) orang antara kamu yang melanggar (larangan) pada hari Sabtu, lalu Kami berfirman kepada mereka, “Jadilah kamu kera yang hina.” (65) Maka Kami jadikan apa yang berlaku itu sebagai suatu hukuman pencegah bagi orang yang ada pada masa itu dan orang yang datang kemudian, dan suatu pengajaran bagi orang yang (hendak) bertaqwa. (66)

(Surah al-Baqarah, 2: 62-66)

Penafsiran semua ayat ini dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu tafsiran *al-Baqarah* (2: 62), *al-Baqarah* (2: 63-64), dan tafsiran *al-Baqarah* (2: 65-66). Pada bahagian akhir daripada tafsiran pula terdapat perbahasan daripada pengajaran yang boleh diambil daripada ayat yang dibincangkan.

TAFSIRAN AYAT

Pada sesi perbincangan tafsiran kali ini, tiga kelompok ayat dibahagikan untuk tujuan perbincangan tafsiran, iaitu surah *al-Baqarah* (2: 62), surah *al-Baqarah* (2: 62), dan surah *al-Baqarah* (2: 62).

SURAH AL-BAQARAH (2: 62)

Bahagian pertama tafsiran adalah menyentuh tentang pensyaratan utama untuk semua umat manusia termasuk orang Yahudi, Nasrani, dan sabi'in dan orang kafir yang lain supaya dapat keselamatan khususnya dalam kehidupan selepas kematian dan alam akhirat. Firman-Nya:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالصَّٰلِحِينَ مِنَ
 ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ
 رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٦٢﴾

Maksud: *Sesungguhnya orang yang beriman, dan orang Yahudi dan orang Nasara (Nasrani), dan orang Sabiin, iaitu sesiapa antara mereka itu beriman kepada Allah dan (beriman kepada) hari akhirat serta beramal soleh, maka bagi mereka pahala balasannya di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) kepada mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.*
 (62)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 62)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/284) menjelaskan bahawa sesudah Allah SWT menyebutkan keadaan orang yang menentang perintah-Nya, melanggar larangan-Nya, melakukan perbuatan melampaui batasan melebihi dari apa yang diizinkan, serta berani melakukan perkara yang diharamkan dan akibat azab yang menimpa mereka, maka Allah SWT mengingatkan melalui ayat ini, bahawa barang siapa yang berbuat baik dalam kalangan umat terdahulu dan taat, baginya pahala yang baik. Demikianlah kaedah ini merupakan kaedah yang tetap hingga ke hari kiamat nanti. Setiap orang yang mengikuti Rasul, Nabi yang ummi, iaitu merujuk kepada Nabi Muhammad SAW, maka baginya kebahagiaan yang abadi. Tiada ketakutan bagi mereka dalam menghadapi masa mendatang, tidak pula mereka bersedih hati atas apa yang mereka tinggalkan. Makna ayat ini juga terdapat dalam firman Allah SWT yang lain, iaitu:

أَلَا إِنَّ أَوْلِيَاءَ اللَّهِ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٦٢﴾

Maksud: *Ketahuilah! Sesungguhnya wali Allah, tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita. (62)*

(Surah Yunus, 10: 62)

Hal ini seperti yang dikatakan oleh para malaikat kepada orang Mukmin pada ketika mereka menghadapi kematiannya yang dipetik oleh firman Allah SWT seperti berikut:

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَمُوا تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ
 الْمَلَائِكَةُ أَلَّا تَخَافُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَبْشِرُوا بِالْجَنَّةِ الَّتِي
 كُنْتُمْ تُوعَدُونَ ﴿٣٠﴾

Maksud: *Sesungguhnya orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata, "Tuhan kami ialah Allah", kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul, akan turunlah malaikat kepada mereka dari semasa ke semasa (dengan memberi ilham), "Janganlah kamu bimbang (dari berlakunya kejadian yang tidak baik terhadap kamu) dan janganlah kamu berdukacita, dan terimalah berita gembira bahawa kamu akan beroleh syurga yang dijanjikan kepada kamu. (30)*

(Surah *Fussilat*, 41: 30)

Al-Suddi menyatakan bahawa firman-Nya yang menyatakan, *Sesungguhnya orang mukmin, orang Yahudi, orang Nasrani, dan orang Sabi'in, siapa saja antara mereka yang beriman kepada Allah SWT dan hari kemudian serta beramal saleh....* (Surah *al-Baqarah*, 2: 62) diturunkan berkenaan dengan kawan Salman al-Farisi. Ketika beliau sedang berbincang-bincang dengan Nabi SAW, lalu ia menyebutkan perihal kawan beliau yang seagama dengannya pada masa lalu, beliau menceritakan kepada Nabi berita tentang mereka. Untuk itu beliau menyatakan, "Mereka solat, puasa, dan beriman kepadamu serta bersaksi bahawa kelak engkau akan diutus sebagai seorang nabi." Sesudah Salman selesai bicaranya yang mengandungi pujian kepada mereka, maka Nabi SAW bersabda kepadanya, "Hai Salman, mereka termasuk ahli neraka." Maka hal ini terasa amat berat bagi Salman. Lalu Allah SWT menurunkan ayat ini. Oleh kerana itu terdapat hadis yang menyokong sebab penurunan ayat ini, iaitu (Ibn Abi Hatim, 1998: 634):

قَالَ سَلْمَانُ: سَأَلْتُ النَّبِيَّ ﷺ عَنْ أَهْلِ دِينٍ كُنْتُ مَعَهُمْ،
 فَذَكَرْتُ مِنْ صَلَاتِهِمْ وَعِبَادَتِهِمْ، فَزَلَّتْ: (إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا
 وَالَّذِينَ هَادُوا وَالنَّصْرَى وَالصَّبِيَّةَ مِنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
 الْآخِرِ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ
 عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٦٢﴾).

Salman RA pernah menceritakan hadis berikut: Aku pernah bertanya kepada Nabi SAW tentang pemeluk agama yang dahulunya aku salah seorang dari mereka, maka aku menceritakan kepada beliau tentang cara solat dan ibadah mereka. Lalu turunlah firman-Nya,

Erti: Sesungguhnya orang yang beriman, dan orang Yahudi dan orang Nasara (Nasrani), dan orang Sabiin sesiapa antara mereka itu beriman kepada Allah dan (beriman kepada) hari akhirat serta beramal soleh, maka bagi mereka pahala balasannya di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) kepada mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita. (Surah al-Baqarah, 2: 62).

(Ibn Abi Hatim)

Iman orang Yahudi itu ialah barang siapa yang berpegang kepada kitab Taurat dan sunnah Nabi Musa AS, maka imannya diterima hingga Nabi Isa AS datang. Apabila Nabi Isa datang, sedangkan orang yang tadinya berpegang kepada kitab Taurat dan sunnah Nabi Musa AS tidak meninggalkannya dan tidak mahu mengikut kepada syariat Nabi Isa, maka ia termasuk orang yang binasa.

Begitu juga Iman orang Nasrani ialah barang siapa yang berpegang kepada kitab Injil dalam kalangan mereka dan syariat Nabi Isa, maka dia termasuk orang yang Mukmin lagi diterima imannya hingga Nabi Muhammad SAW datang. Barang siapa dalam kalangan mereka yang tidak mahu mengikut kepada Nabi Muhammad SAW dan tidak mahu meninggalkan sunnah Nabi Isa serta ajaran Injilnya sesudah Nabi Muhammad SAW datang, maka dia termasuk orang yang binasa.

Imam Ibnu Abu Hatim menyatakan, hal yang seumpama ini pernah diriwayatkan dari Sa'id ibn Jubair. Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/284) riwayat ini tidak bertentangan dengan apa yang diriwayatkan oleh Ali ibn Abu Talhah, dari Ibn 'Abbas sehubungan dengan firman-Nya dalam surah *al-Baqarah* (2: 62). Ibn 'Abbas RA menyatakan bahawa sesudah itu diturunkan oleh Allah SWT firman berikut:

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي
الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِرِينَ ﴿٨٥﴾

Maksud: *Dan sesiapa yang mencari ugama selain ugama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang yang rugi.* (85)

(Surah *Ali 'Imran*, 3: 85)

Sesungguhnya apa yang dikatakan oleh Ibn 'Abbas ini merupakan suatu pemberitahuan bahawa tidak akan diterima dari seseorang suatu cara dan tidak pula suatu amal pun, kecuali apa yang bersesuaian dengan syariat Nabi Muhammad SAW sesudah beliau diutus membawa risalah yang diwahyukan. Adapun sebelum itu, setiap orang yang mengikut rasul pada zamannya, dia berada dalam jalan petunjuk

dan jalan keselamatan. Orang Yahudi adalah pengikut Nabi Musa AS, iaitu mereka yang berpegang kepada kitab Taurat pada zamannya.

Perkataan *al-Yahud* diambil daripada perkataan *al-hawadah* yang artinya kasih sayang, atau berasal dari kata *al-tahawwud* yang artinya taubat, seperti yang dikatakan oleh Musa AS dalam firman-Nya:

إِنَّا هُدْنَا إِلَيْكَ

Maksud: *Sesungguhnya kami kembali (bertaubat) kepada-Mu"*

(Surah *al-A'raf*, 7: 156)

Maksudnya, kami bertaubat kepada Engkau. Seakan-akan mereka dinamakan demikian pada asal mulanya kerana taubat dan kasih sayang sebahagian mereka kepada sebahagian yang lain. Menurut pendapat yang lain, nama Yahudi itu dinisbah atau dikaitkan dengan Yahuda, nama anak tertua Nabi Ya'qub AS. Abu Amr bin al-'Ala menyatakan, disebut demikian kerana mereka selalu bergerak tatkala membaca kitab Taurat.

Ketika Nabi Isa diutus, kaum Bani Israil diwajibkan untuk mengikuti dan mentaatinya. Sahabat Nabi Isa dan pemeluk agamanya dinamakan Nasrani kerana mereka saling menolong antara sesama mereka. Mereka disebut pula Ansar, seperti yang dikatakan oleh Nabi Isa AS dalam firman-Nya:

مَنْ أَنْصَارِي إِلَى اللَّهِ قَالَ الْخَوَارِيُّونَ نَحْنُ أَنْصَارُ اللَّهِ

Maksud: *Siapakah penolongku (dalam perjalananku) kepada Allah (dengan menegakkan agama-Nya)?" orang 'hawariyyuun' (penyokong Nabi Isa) berkata, "Kamilah penolong (utusan) Allah."*

(Surah *Ali 'Imran*, 3: 52)

Menurut pendapat yang lain, mereka dinamakan demikian kerana pernah bertempat tinggal di suatu daerah yang dikenal dengan nama Nasirah. Demikian menurut Qatadah dan Ibn Juraij, serta diriwayatkan pula dari Ibn ‘Abbas.

Nasara adalah bentuk jamak dari nasran (نَصْرَانٍ), sama halnya dengan lafaz nasyawa (نَشَاوَى) bentuk jamak dari lafaz nasywan (نَشْوَانٍ), dan *sukara* (سُكَارَى) bentuk jamak dari lafaz *sakran* (سَكْرَانٍ). Seseorang dikatakan *Nasranah* (نَصْرَانَةٌ) untuk seorang wanita Nasrani.

Ketika Allah SWT mengutus Nabi Muhammad SAW sebagai penutup semua para nabi dan rasul kepada semua anak Adam secara mutlak, maka diwajibkan bagi mereka percaya kepada apa yang disampaikannya, taat kepada perintahnya, dan mencegah diri dari apa yang dilarangnya. Mereka itulah orang yang benar-benar beriman dengannya. Umat Nabi Muhammad SAW dinamakan kaum Mukmin kerana ketinggian keimanan dan mendalamnya keyakinan mereka terhadap ajarannya. Mereka juga disebut Mukmin disebabkan mereka juga beriman kepada semua nabi yang terdahulu dan perkara ghaib yang akan datang.

Mengenai orang Sabi’in, para ulama berbeza pendapat mengenai hakikat mereka. Pendapat mereka seperti berikut:

- (1) Sufyan al-Sauri dan Mujahid: Suatu kaum antara Majusi, Yahudi, dan Nasrani. Pada hakikatnya mereka tidak mempunyai agama.
- (2) Ishaq bin Rahawayh: Suatu kumpulan dalam kalangan ahli kitab, mereka mengakui kitab Zabur. Oleh kerana itu, Imam Abu Hanifah dan Ishaq menyatakan bahawa tidak mengapa makan daripada binatang daripada sembelihan mereka dan menikah dengan wanita dalam kalangan mereka.
- (3) Al-Hasan: Mereka itu sama dengan orang Majusi. Pendapat lain daripada al-Hasan ialah suatu kaum yang menyembah malaikat.
- (4) Ziyad: Orang Sabi’in solat mereka menghadap ke arah kiblat. Mereka juga solat lima waktu. Ziad bermaksud membebaskan

- mereka dari pungutan jizyah, tetapi sesudah itu dia mendapat berita bahawa mereka menyembah malaikat.”
- (5) Imam al-Razi dan Sayyidina Qatadah: Suatu kaum yang menyembah malaikat, percaya kepada kitab Zabur, dan solat menghadap ke arah kiblat.
 - (6) Ibn Abu al-Zanad dari ayahnya: Suatu kaum yang tinggal di sebelah negeri Irak. Mereka kaum yang suka menangis, beriman kepada semua nabi serta puasa selama tiga puluh hari setiap tahunnya, dan mereka solat menghadap negeri Yaman setiap harinya sebanyak lima kali.
 - (7) Wahb ibn Munabbih: Mereka hanya mengenal Allah SWT semata-mata dan tidak mempunyai syariat yang diamalkan dan tidak pula berbuat kekufuran. Mereka juga ialah suatu kaum bukan pemeluk agama Yahudi, bukan Nasrani, bukan Majusi, bukan pula kaum musyrik. Sesungguhnya mereka adalah suatu kaum yang hanya tetap pada fitrah mereka, tiada agama tetap yang menjadi anutan dan pegangan mereka. Oleh kerana itulah maka kaum musyrik memperolok-olokkan orang yang masuk Islam dengan sebutan Sabi', dengan maksud bahawa dia menyimpang dari semua agama penduduk bumi pada ketika itu.
 - (8) Abdur Rahman bin Zaid: Pemeluk suatu agama yang tinggal di Mausul. Mereka menyatakan bahawa tidak ada Tuhan selain Allah, tetapi mereka tidak mempunyai amal, kitab, dan nabi kecuali hanya ucapan 'tidak ada Tuhan selain Allah'." Abdur Rahman bin Zaid menyatakan pula bahawa mereka tidak beriman kepada Rasul kerana itulah orang musyrik menyatakan kepada Nabi SAW dan para sahabatnya, bahawa Nabi SAW dan sahabatnya adalah orang Sabi'in. Orang musyrik menyerupakan Nabi SAW dan para sahabatnya dengan mereka dalam hal ucapan 'tidak ada Tuhan selain Allah'.
 - (9) Al-Khalil: Satu kaum yang agamanya menyerupai agama Nasrani, hanya kiblat mereka mengarah kepada datangnya angin selatan; mereka menduga bahawa dirinya berada dalam agama Nabi Nuh AS.

- (10) Ibn Abu Nujaih: Suatu kaum yang agamanya merupakan campuran antara agama Yahudi dan agama Majusi sembelihan mereka tidak boleh dimakan, dan kaum wanitanya tidak boleh dinikahi.
- (11) Satu Pendapat: Orang yang belum sampai kepada mereka dakwah seorang nabi pun.

Imam Al-Qurtubi (2003: 1/434) menyimpulkan bahawa berdasarkan pandangan ulama bahawa mereka adalah orang yang mengesakan Tuhan dan meyakini akan pengaruh bintang bahawa sesuatu bintang itu melakukannya. Oleh kerana itulah Abu Sa'id al-Astakhri mengeluarkan fatwa bahawa mereka adalah orang kafir. Hal ini demikian kerana ketika al-Qadir Billah menanyakan kepadanya tentang hakikat mereka. Oleh itu, Imam Al-Razi (1999: 3/536) memilih pendapat yang menyatakan bahawa Sabi'in adalah suatu kaum yang menyembah bintang, dengan pengertian bahawa Allah SWT menjadikannya sebagai kiblat untuk ibadah dan doa, iaitu Allah SWT menyerahkan pengaturan urusan alam ini kepada bintang tersebut. Selanjutnya al-Razi menyatakan bahawa pendapat ini dinisbatkan kepada orang Kahyrani yang didatangi oleh Nabi Ibrahim AS untuk membatalkan pendapat mereka dan memenangkan perkara yang hak. Namun pendapat yang paling kuat antara semuanya hanya Allahlah Yang Maha Mengetahui.

SURAH AL-BAQARAH (2: 63-64)

Selepas Allah SWT menjelaskan syarat untuk manusia mendapat keselamatan daripada azab sesudah mati dan azab di alam akhirat, iaitu dengan beriman kepada Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW, Allah SWT sekali lagi mengingatkan tentang janji setia kaum Bani Israil untuk mengikuti ajaran kitab Taurat tentang keimanan mereka ketika kedatangan Nabi yang terakhir. Firman-Nya:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَكُمْ وَرَفَعْنَا فَوْقَكُمُ الطُّورَ خُذُوا مَا
 آتَيْنَاكُمْ بِقُوَّةٍ وَاذْكُرُوا مَا فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٦٣﴾ ثُمَّ
 تَوَلَّيْتُمْ مِّنْ بَعْدِ ذَلِكَ فَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ لَكُنْتُمْ
 مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٦٤﴾

Maksud: *Dan (ingatlah), ketika Kami mengambil perjanjian setia kamu semasa Kami angkat Gunung Tursina di atas kamu (sambil Kami berfirman), “Terimalah Taurat yang Kami berikan kepada kamu (serta amalkanlah) dengan bersungguh-sungguh, dan ingatlah (jangan lupakan) apa yang tersebut dalamnya, supaya kamu bertaqwa. (63) Kemudian sesudah itu kamu membelakangkan perjanjian setia kamu itu (tidak menyempurnakannya); maka kalau tidaklah kerana limpah kurnia Allah dan belas kasihannya kepada kamu (dengan membuka pintu taubat), nescaya menjadilah kamu dari golongan orang yang rugi. (64)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 63-64)

Allah SWT berfirman mengingatkan Bani Israil akan apa yang Dia ambil dari mereka berupa janji dan ikrar untuk beriman hanya kepada Allah SWT semata-mata dengan tidak mempersekutukan-Nya dan mereka juga dituntut untuk mengikuti rasul-Nya. Allah SWT menceritakan bahawa ketika Dia mengambil janji dari mereka, maka Dia mengangkat gunung itu di atas mereka agar mereka taat serta mahu mengakui apa yang disumpahkan kepada mereka, mengambilnya dengan segala kekuatan, kesungguhan tenaga, dan bertekad untuk melaksanakannya. Seperti yang disebutkan dalam firman lainnya, iaitu:

وَإِذْ تَتَقْنَا الْجَبَلَ فَوْقَهُمْ كَأَنَّهُ ظِلَّةٌ وَظَنُوا أَنَّهُ وَاقِعٌ بِهِمْ
 خُذُوا مَاءَ تَيْبَنِكُمْ بِقُوَّةٍ وَاذْكُرُوا مَا فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٧١﴾

Maksud: *Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Kami mengangkat gunung (Tursina) ke atas mereka (Bani Israil) seolah-olah gunung itu awan (yang menaungi mereka) dan mereka yakin bahawa gunung itu akan jatuh menimpa mereka, (sambil Kami berfirman kepada mereka), "Terimalah dengan bersungguh-sungguh (Kitab Taurat) yang Kami berikan kepada kamu dan ingatlah (amalkanlah) apa yang terkandung dalamnya, supaya kamu menjadi orang yang bertaqwa" (171)*

(Surah *al-A'raf*, 7: 171)

Al-Tur ertinya gunung. Hal ini sesuai dengan apa yang ditafsirkan dalam ayat surat *al-A'raf* ini. Hal ini dinaskan oleh Ibn 'Abbas, Mujahid, Ata, Ikrimah, al-Hasan, al-Dahhak, dan al-Rabi' bin Anas serta lain-lainnya dan pendapat ini sudah jelas dan tidak terdapat lagi perbahasan. Namun, ada sedikit tambahan informasi daripada Sayyidina Ibn 'Abbas bahawa *tur* ialah bukit yang mempunyai tumbuhan sedangkan bukit yang tidak ada tetumbuhannya bukan dinamakan *tur*.

Dalam hadis tentang fitnah yang ditimpakan kepada Bani Israil yang disebutkan dari Ibn 'Abbas bahawa ketika mereka menolak untuk taat, maka diangkat ke atas mereka bukit tersebut dengan maksud agar mereka dipaksa untuk menurut. Al-Suddi menyatakan, "Ketika mereka membangkang untuk sujud, maka Allah SWT memerintahkan kepada gunung untuk runtuh menimpa mereka. Lalu mereka melihat gunung tersebut menutupi mereka, akhirnya mereka jatuh tersungkur dan bersujud, tetapi mereka hanya sujud dengan separuh tubuh mereka, sedangkan separuh yang lainnya melihat ke arah gunung tersebut. Akhirnya Allah SWT kasihan kepada keadaan mereka, lalu mengembalikan gunung tersebut ke tempatnya dan menjauhi mereka daripada runtuhannya

tersebut.” Para ulama menyatakan, “Demi Allah, tiada suatu sujud yang lebih disukai oleh Allah SWT selain sujud yang menyebabkan azab diangkat dari mereka, iaitu orang Bani Israil, padahal mereka melakukan sujud seperti itu.” Yang demikian itu disebutkan dalam firman-Nya dalam surah *al-Baqarah* (2: 63). Seterusnya, al-Hasan menyatakan sehubungan dengan firman-Nya:

خُذُوا مَاءَ آتَيْنَاكُمْ بِقُوَّةٍ

Maksud: *(Serta amalkanlah) dengan bersungguh-sungguh.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 63)

Ayat ini bermaksud amalkan sungguh-sungguh kitab Taurat. Sedangkan menurut Abu al-‘Aliyah dan al-Rabi‘ bin Anas menyatakan bahawa dikatakan *biquwwah* dalam ayat ini bererti dengan taat. Menurut Mujahid pula *biquwwah* ertinya mengamalkan apa yang terkandung dalamnya. Manakala Sayyidina Qatadah menyatakan bahawa apa yang dimaksud dengan quwwah ialah kesungguhan dan jika tidak, nescaya Allah SWT akan melemparkan bukit ini kepada kamu. Akhirnya, sesudah diancam demikian barulah mereka mahu berpegang apa yang diberikan kepada mereka.

Seterusnya Abu al-‘Aliyah dan al-Rabi‘ menyatakan sehubungan dengan firman-Nya:

وَاذْكُرُوا مَا فِيهِ

Maksud: *Dan ingatlah (amalkanlah) apa yang terkandung dalamnya.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 63)

Ayat ini membawa erti, “bacalah dan amalkanlah apa yang terkandung dalam kitab Taurat.”

Seterusnya, Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/288) menyambung perbincangan tafsirannya dalam Firman Allah SWT:

ثُمَّ تَوَلَّيْتُمْ مِّنْ بَعْدِ ذَلِكَ ^ص

Maksud: *Kemudian sesudah itu kamu membelakangkan perjanjian setia kamu itu (tidak menyempurnakannya).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 64)

Menurut Imam Ibn Kathir bahawa Allah SWT berfirman bahawa sesudah adanya perjanjian yang dikukuhkan dan diagungkan itu, lalu kamu berpaling darinya, kamu menyimpang dan melanggarnya. Maka, dengan itu Allah SWT menyambung firman-Nya:

فَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ

Maksud: *Maka kalau tidaklah kerana limpah kurnia Allah dan belas kasihanNya kepada kamu (dengan membuka pintu taubat).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 64)

Iaitu kalau Allah SWT tidak menerima taubat kamu dan tidak mengutuskan para nabi dan Rasul kepada kamu, maka sudah tentu kamu termasuk dalam firman yang berikut, iaitu:

لَكُنْتُمْ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٦٤﴾

Maksud: *Nescaya menjadilah kamu dari golongan orang yang rugi.* (64)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 64)

Hal ini berlaku disebabkan kamu merosakkan perjanjian tersebut, iaitu kamu akan rugi di dunia dan di akhirat.

SURAH AL-BAQARAH (2: 65-66)

Seterusnya, Allah SWT membicarakan tentang sifat orang Yahudi yang membuat tipu muslihat dalam menangkap ikan pada hari Sabtu. Dalam hal ini, Allah SWT berfirman:

وَلَقَدْ عَلِمْتُمُ الَّذِينَ أُعْتَدُوا مِنْكُمْ فِي السَّبْتِ فَقُلْنَا لَهُمْ كُونُوا قِرَدَةً خَاسِئِينَ ﴿٦٥﴾ فَجَعَلْنَاهَا نَكَالًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهَا وَمَا خَلْفَهَا وَمَوْعِظَةً لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٦٦﴾

Maksud: *Dan sesungguhnya kamu mengetahui (bagaimana buruknya akibat) orang antara kamu yang melanggar (larangan) pada hari Sabtu, lalu Kami berfirman kepada mereka, "Jadilah kamu kera yang hina." (65) Maka Kami jadikan apa yang berlaku itu sebagai suatu hukuman pencegah bagi orang yang ada pada masa itu dan orang yang datang kemudian, dan suatu pengajaran bagi orang yang (hendak) bertaqwa. (66)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 62-66)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/288) dalam menjelaskan ayat ini menyatakan bahawa Allah SWT berfirman bahawa sesungguhnya kamu wahai orang Yahudi adalah mengetahui azab yang menimpa penduduk kampung itu yang durhaka terhadap perintah Allah SWT dan melanggar

perjanjian dan ikrar yang diambil daripada kamu, iaitu kamu harus mengagungkan hari Sabtu dan mentaati perintah-Nya. Dikatakan demikian kerana hal tersebut disyariatkan bagi mereka. Akan tetapi, pada akhirnya mereka membuat helah dan tipu daya agar mereka tetap dapat menangkap ikan pada hari Sabtu, iaitu dengan cara meletakkan jaring dan perangkap ikan sebelum hari Sabtu.

Apabila hari Sabtu tiba dan ikan banyak diperoleh sebagaimana secara kebiasaan dengan ikan terjerat oleh jaring dan perangkap tersebut, tiada suatu ikan pun yang selamat pada hari Sabtu itu. Apabila malam hari tiba, mereka mengambil ikan tersebut sesudah hari Sabtu berlalu. Ketika mereka melakukan hal tersebut, maka Allah SWT mengutuk rupa mereka menjadi kera. Kera adalah suatu binatang yang rupanya lebih mirip dengan manusia, tetapi kera bukan jenis manusia. Dengan kata lain, demikian pula perbuatan dan tipu muslihat mereka, mengingat apa yang mereka lakukan itu menurut zahirnya seperti mereka melakukan perkara yang betul, tetapi hakikatnya adalah berbeza bahkan terjauh daripada kebenaran. Maka sebagai pembalasan mereka disumpah menjadi kera yang sesuai dengan perbuatan mereka sendiri yang disesuaikan dengan jenis pelanggarannya. Kisah ini disebutkan dengan lebih panjang lebar dalam tafsir surat al-A'raf, iaitu pada firman-Nya:

وَسَأَلَهُمْ عَنِ الْقَرْيَةِ الَّتِي كَانَتْ حَاضِرَةَ الْبَحْرِ إِذْ
 يَعْدُونَ فِي السَّبْتِ إِذْ تَأْتِيهِمْ حِثَانُهُمْ يَوْمَ
 سَبْتِهِمْ شُرَّعًا وَيَوْمَ لَا يَسْبِتُونَ لَا تَأْتِيهِمْ كَذَلِكَ
 نَبَّأُوهُمْ بِمَا كَانُوا يَفْسُقُونَ ﴿١٦٣﴾

Maksud: *Dan bertanyalah kepada mereka (wahai Muhammad) mengenai (penduduk) bandar yang letaknya di tepi laut, semasa*

mereka melanggar larangan pada hari Sabtu, ketika datang kepada mereka pada hari Sabtu itu ikan (yang menjadi cubaan kepada) mereka, yang kelihatan timbul di muka air; sedang pada hari-hari lain, ikan itu tidak pula datang kepada mereka. Demikianlah kami menguji mereka (dengan cubaan itu) kerana mereka sentiasa berlaku fasik. (163)

(Surah *al-A'raf*, 7: 163)

Demikianlah kisah tersebut akan dibincangkan secara lengkap. Menurut Sayidina Qatadah mereka yang terkena sumpahan tersebut adalah daripada penduduk kota *Aylah* (أَيْلَةَ). Firman Allah SWT:

كُونُوا قِرَدَةً خَاسِئِينَ ﴿٦٥﴾

Maksud: *Lalu Kami berfirman kepada mereka, "Jadilah kamu kera yang hina."*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 65)

Mujahid berkata berkaitan dengan ayat ini bahawa hati merekalah yang dikutuk dan bukan rupa mereka. Sesungguhnya hal ini hanyalah sebagai perumpamaan yang dibuat oleh Allah, sebagaimana yang disebutkan dalam firman lainnya:

كَمَثَلِ الْجَمَارِ يَحْمِلُ أَثْقَارًا

Maksud: *Samalah seperti keldai yang memikul bendela Kitab-kitab besar (sedang ia tidak mengetahui kandungannya).*

(Surah *al-Jumu'ah*, 62: 5)

Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/288) sekalipun sanad yang jayyid daripada Mujahid, namun pendapat ini yang dianggap gharib, iaitu aneh. Hal ini demikian kerana makna ayat ini bertentangan dengan makna lahiriah ayat itu sendiri. Bahkan dalam ayat yang juga ada disebutkan dengan lebih jelas sebagai firman Allah SWT:

قُلْ هَلْ أُنَبِّئُكُمْ بِشَرِّ مِّنْ ذَلِكَ مَثُوبَةً عِنْدَ اللَّهِ مَن لَّعَنَهُ اللَّهُ وَغَضِبَ
عَلَيْهِ وَجَعَلَ مِنْهُمْ الْقِرَدَةَ وَالْخَنَازِيرَ وَعَبَدَ الطَّاغُوتَ

Maksud: *Katakanlah, "Mahukah, aku khabarkan kepada kamu tentang yang lebih buruk balasannya di sisi Allah daripada yang demikian itu? Lalah orang yang dilaknat oleh Allah dan dimurkaiNya, dan orang yang dijadikan antara mereka sebagai kera dan babi, dan penyembah Taghut. Mereka inilah yang lebih buruk kedudukannya dan yang lebih sesat dari jalan yang betul."* (60)

(Surah *al-Ma'idah*, 5: 60)

Ibn 'Abbas berkata berhubung dengan firman Allah SWT yang bermaksud, Lalu Kami berfirman kepada mereka, "Jadilah kamu kera yang hina" (Surah *al-Baqarah*, 2: 65) bahawa Allah SWT menjadikan sebahagian dari mereka itu kera dan babi. Kemungkinan para pemuda dalam kalangan Bani Israil tersebut mereka dikutuk menjadi kera, sedangkan orang yang sudah lanjut usianya pula dikutuk menjadi babi. Sedangkan tafsiran ayat ini pula menurut Sayyidina Qatadah dengan kenyataan bahawa kaum itu menjadi kera yang memiliki ekor. Pada asalnya sebelum itu mereka adalah manusia biasa yang terdiri dalam kalangan kaum lelaki dan perempuan. Menurut 'Ata al-Khurasani menyatakan, "mereka diseru dengan seruan, "Hai penduduk negeri, jadilah kamu kera yang hina." Kemudian orang yang melarang mereka masuk menemui

mereka dan berkata, “Hai Fulan, bukankah kami melarang kamu untuk melakukan perburuan pada hari Sabtu?” Mereka menjawab dengan hanya menganggukkan kepala, iaitu yang membawa maksud memang benar. Menurut Ibn ‘Abbas RA lagi dengan tambahan kenyataannya, “Sesungguhnya nasib yang menimpa mereka yang melakukan perburuan pada hari Sabtu ialah mereka dikutuk menjadi kera yang sebenar. Kemudian mereka dibinasakan sehingga tidak ada keturunan daripada mereka lagi.” Dalam riwayat al-Dahhak, Ibn ‘Abbas menambah bahawa Allah SWT mengutuk mereka menjadi kera kerana kedurhakaan mereka. Mereka hanya hidup di bumi ini selama tiga hari. Tiada suatu pun yang dikutuk dapat bertahan hidup lebih dari tiga hari. Sesudah rupa mereka dikutuk dan diubah, mereka tidak mahu makan dan minum serta tidak dapat mengembangbiakkan keturunan mereka. Hal ini kerana sesungguhnya Allah SWT menciptakan kera dan babi serta makhluk lainnya dalam masa enam hari, seperti yang disebutkan dalam Kitab-Nya. Allah SWT mengubah rupa kaum tersebut menjadi kera. Demikianlah Allah SWT dapat melakukan dan mengubah bentuk terhadap siapa yang dikehendaki-Nya.

Abu Ja‘far Al-Razi (1999: 3/541) meriwayatkan dari al-Rabi', dari Abu al-'Aliyah sehubungan dengan firman-Nya: *Jadilah kamu kera yang hina*. (Surah *al-Baqarah*, 2: 65), iaitu jadilah kamu orang yang dinista dan dihina seperti kera. Tafsiran yang sama seperti juga yang diriwayatkan oleh Imam Mujahid, Qatadah, al-Rabi', dan Abu Malik.

Muhammad bin Ishaq meriwayatkan dari Daud bin Abul Husain, dari Ikrimah, bahawa Ibn ‘Abbas RA pernah menyatakan, “Sesungguhnya hal yang difardukan oleh Allah SWT kepada kaum Bani Israil pada mulanya adalah sama dengan hari yang difardukan oleh Allah SWT kepada kamu dalam hari raya kamu, iaitu hari Jumat. Tetapi mereka menggantinya menjapada hari Sabtu, lalu mereka menghormati hari Sabtu (sebagai ganti hari Jumat) dan mereka meninggalkan apa-apa yang diperintahkan kepadanya. Tetapi sesudah mereka membangkang dan hanya menetapi hari Sabtu, maka Allah SWT menguji mereka dengan hari Sabtu itu dan diharamkan atas mereka banyak hal yang

dihalalkan bagi mereka diselain hari Sabtu. Mereka yang melakukan demikian tinggal di suatu kampung yang terletak antara Aylah dan Tur, iaitu Negeri Madyan. Maka Allah SWT mengharamkan mereka melakukan penangkapan ikan pada hari Sabtu, juga mengharamkan memakannya pada hari tersebut. Tersebutlah apabila hari Sabtu tiba, maka ikan datang kepada mereka terapung-apung dekat dengan pantai tempat mereka berada. Tetapi apabila hari Sabtu berlalu, ikan itu pergi semua hingga mereka tidak dapat menemukan seekor ikan pun, baik yang besar maupun yang kecil. Singkatnya, bila hari Sabtu tiba ikan itu muncul begitu banyak secara misteri; tetapi bila hari Sabtu berlalu, ikan itu lenyap tidak terdapat tanda kewujudannya.

Mereka dalam keadaan demikian dalam waktu yang cukup lama dan sangat memendam rasa untuk ingin memakan ikan. Kemudian ada seseorang dalam kalangan mereka sengaja menangkap ikan dengan secara bersembunyi pada hari Sabtu, lalu ia mengikat ikan tersebut dengan benang, kemudian melepaskannya ke laut; sebelum itu dia mengikat benang itu ke suatu pasak yang dia buat di tepi laut, lalu dia pergi meninggalkannya. Keesokan harinya dia datang ke tempat itu lalu mengambil ikan tersebut dengan alasan bahawa ia tidak mengambilnya pada hari Sabtu. Selanjutnya ia pergi membawa ikan tangkapannya itu, kemudian dimakannya. Pada hari Sabtu berikutnya ia melakukan hal yang sama, ternyata orang ramai mencium bau ikan itu. Maka penduduk kampung berkata, "Demi Allah, kami mencium bau ikan."

Kemudian mereka menemukan orang yang melakukan hal tersebut, lalu mereka mengikuti jejak si lelaki itu. Mereka melakukan hal tersebut dengan secara bersembunyi dalam waktu yang cukup lama. Allah SWT sengaja tidak mensegerakan siksaan-Nya terhadap mereka sebelum mereka melakukan perburuan ikan secara terang-terangan dan menjualnya di pasar.

Segolongan orang dalam kalangan mereka yang tidak ikut berburu berkata, "Celakalah kamu ini, bertakwalah kepada Allah SWT." Golongan ini melarang apa yang diperbuat oleh kaumnya itu. Sedangkan segolongan yang lain pula tidak memakan ikan dan tidak pula melarang kaum

dari perbuatan mereka sambil berkata, “Apa gunanya kamu menasihati suatu kaum yang bakal diazab oleh Allah SWT atau Allah SWT akan mengazab mereka dengan azab yang pedih.” Mereka yang memberi peringatan kepada kaumnya menjawab, “Sebagai permintaan maaf kepada Tuhan kamu, kami tidak menyukai perbuatan mereka, dan barangkali sahaja mereka akan kembali bertakwa kepada Allah.”

Ibn ‘Abbas melanjutkan kisahnya, “Ketika mereka dalam keadaan demikian, maka pada pagi harinya orang yang tidak ikut berburu berada di tempat perkumpulan kumpulan ini merasa kehilangan orang yang pergi menangkap ikan kerana mereka tidak melihat mereka. Kemudian sebahagian dalam kalangan mereka berkata kepada sebahagian yang lain, “Orang yang suka berburu pada hari Sabtu sedang sibuk, marilah kita lihat apakah yang sedang mereka lakukan.” Lalu mereka berangkat untuk melihat keadaan orang yang berburu di rumah mereka. Ternyata mereka mendapati rumah mereka tersebut dalam keadaan terkunci. Rupanya mereka memasuki rumahnya masing-masing di malam hari, lalu menguncinya dari dalam, seperti halnya orang yang mengurung diri. Ternyata pada pagi harinya mereka menjadi kera dalam rumahnya masing-masing, dan sesungguhnya orang yang melihat keadaan mereka mengenal seseorang yang dikenalnya kini berubah bentuk menjadi kera. Para wanita menjadi kera betina, dan anak mereka menjadi kera kecil.”

Ibn ‘Abbas menyatakan bahawa seandainya Allah SWT tidak menyelamatkan orang yang melarang mereka yang berbuat kejahatan itu, nescaya semuanya dibinasakan oleh Allah SWT. Kampung tersebut adalah yang disebut oleh Allah SWT dalam firman-Nya kepada Nabi Muhammad SAW, iaitu:

وَسَأَلَهُمْ عَنِ الْقَرْيَةِ الَّتِي كَانَتْ حَاضِرَةَ الْبَحْرِ إِذْ
يَعْدُونَ فِي السَّبْتِ إِذْ تَأْتِيهِمْ حِيَتَانُهُمْ يَوْمَ

سَبَّيْهِمْ شُرْعًا وَيَوْمَ لَا يَسْتُونُ لَا تَأْتِيهِمْ كَذَلِكَ
 نَبَلُوهُمْ بِمَا كَانُوا يَفْسُقُونَ ﴿١٦٣﴾

Maksud: *Dan bertanyalah kepada mereka (wahai Muhammad) mengenai (penduduk) bandar yang letaknya di tepi laut, semasa mereka melanggar larangan pada hari Sabtu, ketika datang kepada mereka pada hari Sabtu itu ikan (yang menjadi cubaan kepada) mereka, yang kelihatan timbul di muka air; sedang pada hari-hari lain, ikan itu tidak pula datang kepada mereka. Demikianlah kami menguji mereka (dengan cubaan itu) kerana mereka sentiasa berlaku fasik. (163)*

(Surah *al-A'raf*, 7: 163)

Al-Suddi meriwayatkan tentang tafsiran firman Allah SWT yang bermaksud, “Dan sesungguhnya kamu mengetahui (bagaimana buruknya akibat) orang antara kamu yang melanggar (larangan) pada hari Sabtu, lalu Kami berfirman kepada mereka, “Jadilah kamu kera yang hina” (Surah *al-Baqarah*, 2: 65) adalah merujuk kepada penduduk yang berada di kota Aylah, iaitu suatu kota yang terletak di pinggir pantai. Tersebut kisah mereka, iaitu tatkala datang hari Sabtu, maka ikan muncul dengan banyak. Sedangkan Allah SWT mengharamkan orang Yahudi melakukan sebarang pekerjaan pun pada hari Sabtu. Bila hari Sabtu tiba, banyak ikan muncul sehingga ikan tersebut menampakkan sesungut mereka di permukaan air. Sebaik sahaja masuk hari Ahad, semua ikan tersebut duduk jauh ke dasar laut sehingga tiada seekor ikan pun yang muncul. Ikan tersebut hanya akan muncul semula pada pada hari Sabtu yang mendatang pula. Hal ini yang disebutkan oleh Allah SWT dalam surah *al-A'raf* (7: 163) tersebut.

Oleh kerana itu, sebahagian dari mereka ada yang ingin makan ikan, lalu seseorang dari mereka menggali pasir dan membuat suatu

parit sampai ke laut yang dihubungkan dengan kolam galiannya itu. Apabila hari Sabtu tiba, ia membuka tambak paritnya, lalu datanglah ombak membawa ikan hingga ikan itu masuk ke dalam kolamnya. Ketika ikan itu hendak keluar dari kolam tersebut, ternyata tidak mampu kerana paritnya dangkal, hingga ikan itu tetap berada dalam kolam tersebut. Apabila hari Ahad tiba, maka lelaki itu datang, lalu mengambil ikan tersebut. Lalu seseorang memanggang ikan hasil tangkapannya dan ternyata jiran-jirannya tercium bau ikan bakar. Ketika jirannya menanyakan kepadanya, lalu ia menceritakan apa yang dilakukannya. Maka si tetangga tersebut melakukan hal yang sama seperti dia, hingga tersebarlah kebiasaan makan ikan di kalangan mereka.

Kemudian ulama mereka berkata, “Celakalah kamu, sesungguhnya kamu melakukan penangkapan ikan pada hari Sabtu, sedangkan hari tersebut tidak diharamkan bagi kamu.” Mereka menjawab, “Sesungguhnya kami hanya menangkapnya pada hari Ahad, iaitu pada hari kami mengambilnya.” Maka orang yang ahli hukum berkata, “Tidak! melainkan kamu menangkapnya pada hari kamu membuka jalan air bagi ikan itu masuk.” Akhirnya mereka tidak dapat mencegah kaumnya menghentikan perkara tersebut. Lalu sebahagian orang yang melarang mereka berkata kepada sebahagian yang lain, sebagaimana yang disebutkan oleh Firman-Nya:

لَا تَعْظُونَ قَوْمًا اللَّهُ مُهْلِكُهُمْ أَوْ مُعَذِّبُهُمْ عَذَابًا شَدِيدًا^ط

Maksud: *Mengapa kamu menasihati kaum yang Allah akan membinasakan mereka atau mengazabkan mereka dengan azab yang amat berat?*

(Surah, *al-A'raf*, 7: 164)

Dengan kata lain, mengapa kamu bersungguh-sungguh menasihati mereka, padahal setiap nasihat kamu kemada mereka tidak sesekali

mereka mahu menuruti nasihat kamu. Maka sebahagian dari mereka berkata, seperti yang dipetik oleh firman-Nya:

مَعذِرَةٌ إِلَىٰ رَبِّكُمْ وَعَلَاهُمْ يَتَّقُونَ ﴿١٦٤﴾

Maksud: *(Nasihat itu ialah) untuk melepaskan diri dari bersalah kepada Tuhan kamu, dan supaya mereka bertaqwa.*

(Surah *al-A'raf*, 7: 164)

Ketika mereka menolak nasihat tersebut, maka orang yang taat kepada perintah Allah SWT berkata, “Demi Allah, kami tidak mahu hidup bersama kamu dalam satu kampung.” Lalu mereka membahagikan kampung tersebut menjadi dua bahagian yang dipisahkan oleh sebuah tembok penghalang.

Lalu kaum yang taat pada perintah Allah SWT membuat suatu pintu khusus buat mereka sendiri, dan orang yang melanggar pada hari Sabtu membuat pintu mereka sendiri pula. Nabi Daud AS melaknat mereka yang melanggar perintah pada hari Sabtu itu. Kaum yang taat pada perintah Allah SWT pula keluar memakai pintunya sendiri, dan orang yang kafir keluar dari pintu mereka sendiri pula.

Pada suatu hari orang yang taat pada perintah Tuhannya keluar. sedangkan orang yang kafir tidak pula membuka pintu yang dikhususkan untuk mereka. Maka orang yang taat melihat keadaan mereka dengan menaiki tembok penghalang tersebut setelah mereka merasakan bahawa golongan kafir tersebut tidak juga mahu membuka pintu mereka. Ternyata mereka yang kafir itu sudah berubah menjadi kera, satu sama lainnya saling melompat. Kemudian orang yang taat membuka pintu mereka, lalu kera-kera tersebut keluar dan pergi menuju suatu tempat. Yang demikian itu dijelaskan dalam firman-Nya:

فَلَمَّا عَتَوْا عَنْ مَآئِهِمْ وَعَنَّا فُلْنَا لَهُمْ كُونًا قَرْدَةً خَاسِعِينَ ﴿١٦٦﴾

Maksud: Maka setelah mereka berlaku sombong takbur (tidak mengambil indah) kepada apa yang dilarang mereka melakukannya, Kami katakan kepada mereka, "Jadilah kamu kera yang hina." (166)

(Surah *al-A'raf*, 7: 166)

Kisah inilah yang pada mulanya disebutkan oleh firman-Nya:

لُعِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى لِسَانِ
دَاوُدَ وَعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا
يَعْتَدُونَ ﴿٧٨﴾

Maksud: Orang kafir Yahudi dari Bani Israil dilaknat (dalam Kitab Zabur dan Injil) melalui lidah Nabi Daud dan Nabi Isa bin Maryam. Yang demikian itu disebabkan mereka menderhaka dan selalu menceroboh. (78)

(Surah *al-Ma'idah*, 5: 78)

Berdasarkan kedua-dua firman Allah SWT, terbukti bahawa mereka dikutuk dan disumpah menjadi kera-kera tersebut.

Ringkasnya menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/291) bahawa tujuan menentengahkan pendapat para imam tersebut untuk menjelaskan kelainan pendapat yang dikemukakan oleh Imam Mujahid RA. Hal ini kerana dia berpendapat bahawa kutukan yang menimpa mereka hanyalah kutukan maknawi, bukan kutukan yang mengakibatkan

mereka berubah menjadi kera. Namun pendapat yang sahih adalah yang menyatakan bahawa kutukan tersebut adalah bersifat *maknawi* dan *suwari*, iaitu gambaran sebenar.

Seterusnya Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/291) melanjutkan perbincangan dan perbahasan tafsiran dalam firman Allah SWT berikut:

فَجَعَلْنَاهَا نَكَالًا

Maksud: Maka Kami jadikan apa yang berlaku itu sebagai suatu hukuman pencegah.

(Surah *al-Baqarah*, 2: 66)

Imam Ibn Kathir menyatakan bahawa sebahagian Mufassirin menyatakan bahawa *damir*, iaitu kata ganti yang terkandung pada lafaz *faja'alnaha* kembali kepada *al-qirdah*, iaitu kera. Menurut pendapat lain kembali kepada *al-bitan*, iaitu ikan. Menurut pendapat Imam Ibn Jarir (2001: 2/68) yang lainnya kembali kepada siksaan, dan menurut yang lainnya lagi kembali kepada *al-qaryah* (kampung tempat mereka tinggal). Namun menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/291), pendapat yang sahih bahawa *damir* tersebut kembali kepada *al-qaryah*, iaitu Allah SWT menjadikan kampung itu. Sedangkan yang dimaksudkan kampung itu pula adalah para penduduknya. Hal ini kerana merekalah yang melakukan pelanggaran pada hari Sabtu.

Nakalan (نكالا) bererti peringatan, iaitu Kami siksa mereka dengan suatu siksaan, lalu Kami jadikan siksaan itu sebagai peringatan. Makna ini sepertimana pengertian yang terkandung dalam firman-Nya mengenai Fir'aun, iaitu:

فَأَخَذَهُ اللَّهُ نَكَالَ الْآخِرَةِ وَالْأُولَىٰ ﴿٤٥﴾

Maksud: *Maka Allah SWT mengazabnya dengan azab di akhirat dan di dunia.*

(Surah *al-Nazi'at*, 79: 25)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/292) seterusnya melanjutkan perbincangan tafsiran dalam firman Allah SWT berikut:

لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهَا وَمَا خَلْفَهَا

Maksud: *Pencegah bagi orang yang ada pada masa itu dan orang yang datang kemudian.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 66)

Damir *ha* kembali kepada *al-qura* (الْقُرَى), iaitu kampung. Ibn 'Abbas menyatakan bahawa Kami jadikan siksaan yang menimpa penduduk kampung tersebut sebagai pelajaran atau peringatan bagi orang yang ada di kampung sekitarnya, seperti pengertian yang terkandung dalam firman lainnya, iaitu:

وَلَقَدْ أَهَلَكْنَا مَا حَوْلَكُمْ مِنَ الْقُرَىٰ وَصَرَّفْنَا الْآيَاتِ لَعَلَّهُمْ

يَرْجِعُونَ ﴿٢٧﴾

Maksud: *Dan demi sesungguhnya! Kami binasakan negeri yang ada di sekeliling (negeri) kamu (wahai kaum musyrik Makkah), dan Kami menerangkan tanda (kekuasaan Kami) dengan berbagai cara, supaya mereka kembali (bertaubat). (27).*

(Surah *al-Ahqaf*, 46: 27)

Termasuk ke dalam pengertian ini firman lainnya, iaitu:

أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّا نَأْتِي الْأَرْضَ نَنْقُصُهَا مِنْ أَطْرَافِهَا ۚ

Maksud: Mengapa mereka yang kafir itu masih berdegil dan tidak mahu memerhatikan bahawa kekuasaan kami sentiasa menakluk bumi (yang mereka diami).

(Surah *al-Ra'd*, 13: 41)

Makna yang dimaksud dengan lafaz *lima baina yadaiha wa ma khalfaha* (لِمَا بَيْنَ يَدَيْهَا وَمَا خَلْفَهَا) ialah menyangkut tempat, seperti yang dikatakan oleh Ibn 'Abbas yang menyatakan bahawa *lima baina yadayha* (لِمَا بَيْنَ يَدَيْهَا) ertinya penduduk kampung setempat; *wa ma khalfaha* (وَمَا خَلْفَهَا), penduduk kampung yang di sekitarnya. Hal yang sama dikatakan pula oleh Sa'id ibn Jubair, bahawa petikan ini membawa ertinya orang yang ada di tempat tersebut pada masa itu.

Namun terdapat juga riwayat daripada Ismail bin Abu Khalid, Sayidina Qatadah, dan Atiyyah al-'Aufi bahawa ayat ini, iaitu *Ma baina yadaiha* (لِمَا بَيْنَ يَدَيْهَا) ertinya *ma qablaha* (مَا كَانَ قَبْلَهَا), iaitu bagi orang yang sebelumnya yang berkait dengan masalah hari Sabtu. Seterusnya, Abu al-'Aliyah, al-Rabi', dan 'Atiyyah menyatakan bahawa *wa ma khalfaha* (وَمَا خَلْفَهَا) ertinya buat orang yang sesudah mereka dalam kalangan Bani Israil agar mereka tidak melakukan hal yang seumpama mereka daripada segi perbuatan orang yang dikutuk tersebut. Mereka menyatakan bahawa makna yang dimaksud dari lafaz *li ma baina yadaiha wa ma khalfaha* (لِمَا بَيْنَ يَدَيْهَا وَمَا خَلْفَهَا) adalah berkaitan dengan zaman, iaitu sebelum dan sesudahnya.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/292) menyimpulkan bahawa pengertian tersebut dapat dibenarkan bila dikaitkan dengan orang sesudah mereka, agar apa yang menimpa penduduk kampung itu menjadi peringatan dan pelajaran bagi mereka. Jika dikaitkan dengan orang sebelum mereka,

mana mungkin ayat ini ditafsirkan dengan makna tersebut, yaitu sebagai pelajaran dan peringatan buat orang sebelum mereka? Oleh kerana itu, maka kenyataan ini boleh difahami tidak ada seorang pun yang menyatakan demikian. Dengan demikian, maka sudah tertentulah pengertian lafaz *li ma baina yadaiha wa ma khalfaha* (لِمَا بَيْنَ يَدَيْهَا وَمَا خَلْفَهَا) membawa ertinya 'buat orang yang tinggal di kampung sekitarnya sepertimana yang dikatakan oleh Ibn 'Abbas dan Sa'id ibn Jubair.

Imam Al-Razi (1999: 3/543) meriwayatkan daripada Abu al-'Aliyah mengenai firman-Allah SWT yang bermaksud, "Maka Kami jadikan apa yang berlaku itu sebagai suatu hukuman pencegah bagi orang yang ada pada masa itu dan orang yang datang kemudian (surah *al-Baqarah*, 2: 66) bahawa makna yang dimaksud ialah sebagai hukuman terhadap dosa mereka yang sekarang dan yang lalu. Bagi Imam Ibn Abi Hatim (1998: 1/133) pula menyatakan dengan memetik riwayat dari Ikrimah, Mujahid, al-Suddi al-Farra, dan ibn Atiyyah bahawa *lima baina yadaiha ertinya* (لِمَا بَيْنَ يَدَيْهَا) bererti bagi dosa kaum tersebut. Sedangkan *wa ma khalfaha* (وَمَا خَلْفَهَا), bererti, "bagi orang sesudahnya yang berani melakukan hal yang seumpama dengan dosa mereka itu.

Imam Al-Razi (1999: 3/543) meriwayatkan tiga buah pendapat sehubungan dengan lafaz *li ma baina yadaiha wa ma khalfaha* (لِمَا بَيْنَ يَدَيْهَا وَمَا خَلْفَهَا), iaitu:

- (1) Bagi orang sebelum mereka yang mengetahui beritanya melalui kitab terdahulu dan bagi orang sesudah mereka.
- (2) Bagi para penduduk kampung dan umat yang semasa dengannya.
- (3) Al-Hasan: Allah SWT menjadikan hal tersebut sebagai hukuman buat orang yang melakukan perbuatan tersebut sebelumnya juga bagi orang sesudahnya.

Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/292), pendapat yang kuat ialah yang mengertikan bagi orang yang sezaman dengan mereka juga bagi orang yang akan datang sesudah mereka. Makna ini sepertimana makna yang terkandung dalam firman Allah SWT berikut:

وَلَقَدْ أَهْلَكْنَا مَا حَوْلَكُمْ مِنَ الْقُرَىٰ وَصَرَّفْنَا الْآيَاتِ لَعَلَّهُمْ

يَرْجِعُونَ ﴿٢٧﴾

Maksud: *Dan demi sesungguhnya! Kami binasakan negeri yang ada di sekeliling (negeri) kamu (wahai kaum musyrik Makkah), dan Kami menerangkan tanda (kekuasaan Kami) dengan berbagai cara, supaya mereka kembali (bertaubat). (27)*

(Surah *al-Ahqaf*, 46: 27)

Juga makna yang terdapa dalam firman Allah SWT ini, iaitu:

وَلَا يَزَالُ الَّذِينَ كَفَرُوا تُصِيبُهُمْ بِمَا صَنَعُوا قَارِعَةٌ أَوْ تَحُلُّ قَرِيبًا مِّن دَارِهِمْ

Maksud: *Dan orang yang kafir itu (dengan sebab kekufuran mereka) sentiasa ditimpa bala bencana (ke atas diri atau harta benda mereka); atau pun bala bencana itu turun menimpa tempat yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka (lalu menjadikan mereka gempar kecemasan).*

(Surah *al-Ra'd*, 13: 31)

Begitu juga dengan apa yang terdapat dalam makna daripada firman Allah SWT berikut:

أَفَلَا يَرَوْنَ أَنَا أَنَا فِي الْأَرْضِ نَنْقُصُهَا مِنْ أَطْرَافِهَا ۚ

Maksud: *Maka tidakkah mereka melihat bahawa kami datangi daerah bumi yang mereka kuasai dengan mengurangnya sedikit demi sedikit dari sempadan-sempadannya?*

(Surah *al-Anbiya*, 21: 44)

Maka Allah SWT menjadikan mereka sebagai pelajaran dan peringatan buat orang yang sezaman dengan mereka juga menjadi pelajaran bagi orang yang berada pada zaman yang kemudian melalui berita yang mutawatir daripada mereka. Oleh kerana itulah di akhir ayat surah *al-Baqarah* (2: 66), Allah SWT berfirman:

﴿٦٦﴾ وَمَوْعِظَةً لِّلْمُتَّقِينَ

Maksud: *Dan suatu pengajaran bagi orang yang (hendak) bertakwa. (66)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 66)

Ayat ini menurut Ibn ‘Abbas membawa maksud *menjadi pengajaran bagi orang yang bertakwa* untuk orang sesudah mereka hingga hari kiamat. Sedangkan al-Hasan dan Sayyidina Qatadah pula menyatakan bahawa maksud menjadi pengajaran bagi orang yang bertakwa kerana peristiwa ini memperingatkan kepada mereka sehingga mereka memelihara diri daripada hal yang menyebabkan siksaan Allah SWT dan menjadi mereka sentiasa berwaspada. Seterusnya bagi al-Suddi dan ‘Atiyyah al-‘Aufi bahawa maksud ayat menjadi pengajaran bagi orang yang bertakwa adalah merujuk kepada umat Nabi Muhammad SAW. Akhir sekali Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/292) menyimpulkan dengan kata-kata beliau bahawa lafaz *al-mauizah* (المَوْعِظَةُ) dalam ayat ini ialah peringatan. Dengan kata lain, Kami jadikan azab dan pembalasan yang menimpa mereka sebagai balasan dari perbuatan mereka yang

melanggar sesuatu perkara yang diharamkan oleh Allah SWT dan disebabkan tipu muslihat yang mereka lakukan. Oleh kerana itu, hati-hatilah wahai orang yang bertakwa terhadap perbuatan seperti yang mereka lakukan itu, agar tidak tertimpa kepada kamu sebagaimana siksaan yang pernah menimpa mereka. Kenyataan ini bertepatan dengan satu hadis yang menjelaskan (Ibn Bittah, 1983: 1/46):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَا تَرْتَكِبُوا مَا
ارْتَكَبَ الْيَهُودُ، فَتَسْتَحِلُّوا مَحَارِمَ اللَّهِ بِأَذْنَى الْحَيْلِ"

Maksud: *Abu Hurairah yang menceritakan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda, "Janganlah kamu lakukan seperti apa yang dilakukan oleh orang Yahudi, kerana akibatnya kamu akan menghalalkan apa-apa yang diharamkan oleh Allah SWT hanya dengan tipu muslihat yang rendah.*

(Ibn Bittah)

Menurut Imam Ibn Kathir bahawa hadis ini sanad dianggap baik (*jayyid*) dan semua perawi yang meriwayatkan hadis ini pula sudah dikenal dengan syarat sahih.

PENGAJARAN AYAT

Terdapat tiga pengajaran penting yang boleh diambil daripada perbincangan tafsiran ayat yang bukan sahaja boleh menjadi pengajaran kepada umat Islam, tetapi juga kepada umat manusia, iaitu hanya agama Islam yang bersyariatkan Nabi Muhammad SAW sahaja yang menyelamatkan seseorang daripada azab api neraka selepas kedatangannya; keperluan untuk mengikut jalan Baginda Nabi Muhammad sehingga Allah SWT mengikat perjanjian kepada umat Bani Israil agar berpegang teguh kepada kitab taurat khususnya tentang kedatangannya dan kewajiban beriman kepadanya; balasan kehinaan dengan disumpah menjadi kera dan babi terhadap Bani Israil yang menipu daya Allah SWT berhubung dengan perintah tidak boleh bekerja pada hari Sabtu.

HANYA ISLAM DENGAN SYARIAT NABI MUHAMMAD YANG BOLEH MENJADI PENYELAMAT DARIPADA AZAB AKHIRAT

Umat manusia wajib mengetahui bahawa terdapat undang-undang yang sudah jelas untuk agama langit, iaitu setiap syariat yang baru diturunkan akan memansuhkan syariat sebelumnya. Sesiapa pun tidak akan selamat daripada azab di alam akhirat jika tetap berpegang teguh kepada syariat yang lama ketika sudah datang syariat yang baru. Hal yang sama juga berlaku kepada syariat terakhir Nabi Muhammad SAW yang memansuhkan kesemua syariat sebelum baginda SAW. Sesiapa sahaja yang tidak mahu beriman kepada Nabi Muhammad SAW dianggap sebagai kafir sekalipun mereka berpegang teguh kepada agama sebelum baginda (surah *al-Baqarah*, 2: 62; Ibn Abi Hatim, 1998: 634). Apatah lagi terdapat penegasan Allah SWT bahawa hanya agama Islam sahaja yang merupakan agama yang diterima di sisi-Nya

ketika datangnya Nabi Muhammad SAW. Agama lain yang terdiri daripada agama Yahudi, Nasrani, Sabi'in, dan lain-lainnya tidak diterima sama sekali di sisi Allah SWT sehingga mereka tergelongkan dalam kalangan orang yang kafir (surah *Ali 'Imran*, 3: 85).

Keuntungan yang besar terhadap orang yang mengikuti jalan Islam mengikut syariat yang mengikut zaman perutusan ialah dengan mereka mati dalam keadaan diutuskan para malaikat rahmat yang membawa berita gembira kepada mereka tentang syurga yang akan dimasukinya pada hari kiamat (surah *Fussilat*, 41: 30). Orang yang beriman dengan apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW serta komited beramal dengan segala perintah dan larangan dengan ajarannya pula dipanggil sebagai Mukmin. Panggilan Mukmin kerana disebabkan ketinggian keimanan dan mendalam keyakinan mereka terhadap ajarannya. Mereka juga disebut Mukmin disebabkan mereka juga beriman kepada semua nabi yang terdahulu dan perkara ghaib yang akan datang (Ibn Kathir, 1990: 1/284).

PERJANJIAN BANI ISRAIL UNTUK BERPEGANG TEGUH KEPADA TAURAT

Umat manusia wajar mengetahui bahawa Allah SWT bahawa Allah SWT pernah membuat perjanjian kepada kaum Bani Israil agar berpegang teguh kepada kitab Taurat, tetapi kaum ini pada asalnya enggan dan membantah, namun mereka akhirnya tunduk untuk mengikat perjanjian tersebut selepas diancam dengan azab. Sekalipun begitu, masih terdapat dalam kalangan mereka yang membelakangkan perjanjian tersebut. Sedangkan sudah jelas tanpa pegangan yang kukuh terhadap agama dan apa sahaja yang dibawa oleh para rasul pada zamannya sudah tentu seseorang itu perada dalam kerugian dan penyesalan (surah *al-Baqarah*, 2: 63-64; surah *al-A'raf*, 7: 171).

Perjanjian ini memberi pengajaran kepada umat manusia pada zaman perutusan Rasulullah SAW bahawa untuk selamat daripada azab Allah SWT sama ada di dunia atau akhirat khususnya selepas

kedatangan Nabi Muhammad SAW ialah dengan berpegang teguh kepada kitab al-Quran dan bersungguh-sungguh mengamalkannya. Dengan berpegang teguh kepada al-Quran sahaja barulah umat manusia mendapat keselamatan bukan sahaja dalam kehidupan di dunia bahkan dalam kehidupan mereka di alam akhirat khususnya selepas kematian (surah *al-Baqarah*, 2: 62; Ibn Abi Hatim, 1998: 634; surah *Ali 'Imran*, 3: 85).

BAHANA MELANGGAR PERINTAH ALLAH SWT

Umat manusia wajar mengambil pengajaran tentang peristiwa yang berlaku kepada kaum Bani Israil dari Negeri Aylah yang melanggar perintah kitab Taurat agar tidak bekerja pada hari Sabtu. Penduduk negeri ini melakukan muslihat untuk melanggar perintah Allah SWT dengan memasang perangkap agar ikan. Perangkap itu dipasang pada hari Sabtu ketika ikan sedang banyak dan mereka mengambilnya pada hari berikutnya (Ibn Bittah, 1983: 1/46). Akibat daripada perbuatan sebahagian daripada penduduk ini, mereka disumpah menjadi kera dan babi agar menjadi pengajaran buah penduduk setempat, penduduk sekitarnya, dan umat manusia sehingga hari kiamat (surah *al-Baqarah*, 2: 62-66; surah *al-A'raf*, 7: 163; Ibn al-Kathir, 1999: 1/288; surah *al-Ma'idah*, 5: 60). Golongan ini dibiarkan oleh Allah SWT beberapa ketika agar mereka boleh kembali bertaubat. Mereka juga selalu diingatkan oleh sebahagian penduduk yang tetap berpegang teguh untuk tidak terlibat dalam pelanggaran tersebut. Namun setelah sampai satu peringkat yang mereka sama sekali tidak mahu mendengar dan meneruskan aktiviti larangan dengan kesombongan, barulah mereka dihukum (surah *al-A'raf*, 7: 166; surah *al-Ma'idah*, 5: 78).

Dalam peristiwa ini, terdapat golongan yang tidak terlibat dan melarang pula perbuatan melanggar larangan Allah SWT (Surah, *al-A'raf*, 7: 164). Disebabkan nasihat itulah, golongan yang melarang tersebut terselamat daripada mendapat sumpah yang sama (surah *al-A'raf*, 7: 164).

Cerita ini memberi pengajaran kepada umat manusia khususnya umat Islam bahawa dalam masyarakat terdapat golongan yang melanggar perintah Allah SWT dan terdapat juga golongan yang tetap mentaati perintah-Nya. Golongan yang mentaati perintah Allah SWT tersebut tidak boleh berdiam diri jika maksiat dan pelanggaran perintah-Nya dilakukan secara berterang-terangan. Mereka wajib menegur dan memberi nasihat agar bala bencana yang disebabkan pelanggaran perintah-Nya tidak tertimpa juga kepada mereka. Sekiranya tidak dilakukan teguran dan nasihat, maka semua ahli masyarakat tersebut akan terdedah dengan azab yang pedih yang bersifat menyeluruh ditimpakan kepada orang yang maksiat dan orang yang taat.

RUMUSAN

Ringkasnya, tiga potong ayat menceritakan tentang kepentingan syariat Nabi Muhammad SAW untuk diikuti oleh umat Islam dan umat manusia. Tanpa beragama dengan agama yang dibawa oleh baginda SAW, maka seseorang itu tidak dapat melepaskan dirinya daripada kekufuran sehingga dia terhalang daripada memasuki syurga. Selepas seseorang itu sudah mengikuti syariat Nabi Muhammad SAW, sebagai tanda kesempurnaan imannya, dia perlu pula beramal dengan amalan yang dapat meningkatkan dirinya di sisi Allah SWT dan di dalam syurga-Nya. Jika tidak, apa yang berlaku kepada umat Nabi Musa AS yang ditukarkan diri mereka menjadi kera, akan juga tertimpa kepada umat ini. Semoga semua umat manusia dapat keselamatan di dunia dan akhirat.

RUJUKAN

- Al-Qurtubi, Muhammad Ahmad. 2003. *Jami' bayan al-'ilm wa Fadlihi*. Hisyam Samir al-Bukhari (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar 'Alim al-Kutub.
- Al-Razi, Muhammad 'Umar. 1999. *Mafatih al-Ghayb - al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Araby.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn Abi Hatim, 'Abdul Rahman. 1998. *Tafsir al-Quran al-'Azim li bin Abi Hatim*. As'ad Muhammad al-Tayyib (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Bittah, 'Ubaydullah. 1983. *Ibtal al-Hiyal*. Zuhayr al-Shawish (Ed.). Beirut: Al-Matab al-Islami.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018. *Kaum Bani Israil dan Balasan Keingkaran: Surah al-Baqarah (2: 58-61)*. Kertas Kerja dalam Siri 14: Program Budaya al-Quran, 20 Disember 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019. *Bani Israil dan Sumpahan Menjadi Kera: Surah al-Baqarah (2: 62-66)*. Kertas Kerja dalam Siri

15: Program Budaya al-Quran, 1 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.

Jasmi, Kamarul Azmi. 2021a. *Bani Israil dan Balasan Keingkaran: Surah al-Baqarah (2: 58-61)*. Jld. 11. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.

Jasmi, Kamarul Azmi. 2021b. *Bani Israil dan Sumpahan Menjadi Kera: Surah al-Baqarah (2: 62-66)*. Jld. 12. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.

INDEKS

- akhirat, 1, 2, 5, 8, 9, 14, 18,
 31, 39, 41
al-A'raf, 16, 20, 28, 42
al-A'raf, 10, 16, 21, 26, 27,
 28, 29, 41, 42
al-Ahqaf, 32, 35
al-Anbiya, 35
al-Baqarah, 2, 3, 5, 6, 7, 8, 9, 14,
 15, 16, 17, 18, 19, 21, 22,
 23, 26, 30, 31, 34, 36, 39, 41
Ali 'Imran, 9, 11, 40, 41
al-Jumu'ah, 21
 Allah SWT, 1, 6, 7, 9, 11, 12,
 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20,
 21, 22, 23, 24, 25, 26, 28,
 30, 31, 33, 34, 35, 36, 37,
 39, 40, 41, 42
al-Ma'idah, 22, 30, 41
al-Nazi'at, 31
al-Ra'd, 32, 35
 azab neraka, 1
 Bani Israil, i, 1, 10, 14, 15, 16,
 22, 23, 30, 33, 39, 40, 41
 beramal soleh, 1, 2, 5, 8
 beriman, 1, 2, 5, 7, 8, 11, 12,
 13, 14, 15, 39, 40
Fussilat, 7, 40
Ibn Abi Hatim, 8, 39, 41
Ibn Bittah, 37, 41
 Injil, 9, 30
 Islam, 50
 kera, 1, 2, 19, 20, 21, 22, 23,
 25, 26, 29, 30, 39, 41
 kesejahteraan, 1
 keselamatan, 1, 5, 10, 14, 41
Muslim, 50
 Nabi Isa AS, 8, 10
 Nabi Muhammad SAW, 6, 9,
 10, 11, 14, 26, 36, 39, 40,
 41
 Nabi Musa AS, 8, 10
 Nasara, 2, 5, 8, 11
 Nasrani, 2, 5, 7, 8, 9, 10, 11,
 12, 13, 40
 penjanjian, 1
 pensyaratan, 1, 5
 Sabiin, 5, 8
 Sabtu, 2, 19, 20, 23, 24, 25,
 26, 27, 28, 31, 33, 39, 41
 Taurat, 2, 8, 10, 14, 15, 17,
 40, 41
 Yahudi, 1, 2, 5, 7, 8, 10, 12,
 13, 19, 26, 30, 37, 40
Yunus, 6

BIODATA

Kamarul Azmi bin Jasmi menjawat jawatan Professor Madya di Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia dan pernah berkhidmat sebagai guru Pendidikan Islam di SM Sains Miri. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam, Ijazah Sarjana Pengajian Peradaban daripada Universiti Malaya, serta Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Islam) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau aktif dengan aktiviti penulisan dalam jurusan Pendidikan Islam seperti buku, sumbangan bab dalam buku, jurnal serta penulisan kertas kerja di persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau menghasilkan beberapa buah buku karya individu dan karya bersama antaranya berjudul Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii (2007), Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (2007), Pembaharuan dalam Dunia Islam (2007) *Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak* (2011), *Penyeliaan Guru Dalam Pengajaran & Pembelajaran* (2011), *Dasar Akidah Muslim* (2011), *Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran* (2012), *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam* (2016) yang diterbitkan oleh Penerbit UTM serta *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz al-Quran* (2016) dan *Disiplin Puasa dalam Sekolah Ramadan* (2019) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siri Tafsir Sempena Budaya al-Quran
Siri 12
Bani Israil dan Sumpahan Menjadi Kera
Surah *al-Baqarah* (2: 62-66)

Bani Israil dan Sumpahan Menjadi Kera: Surah al-Baqarah (2: 62-66), Siri 12 merupakan siri buku tafsir al-Quran bersempena dengan Program Budaya al-Quran yang dilaksanakan oleh Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Pensyaran penting untuk umat manusia selamat daripada azab selepas mati dan azab neraka di alam akhirat ketika era perutusan Nabi Muhammad SAW adalah dengan beriman kepada Allah SWT serta beriman dan mengikuti syariat Nabi Muhammad SAW. Buku ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah *al-Baqarah* (2: 62-66) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat tiga pengajaran penting yang boleh diambil daripada tafsiran ayat, iaitu hanya Islam dengan syariat Nabi Muhammad yang boleh menjadi penyelamat kepada setiap manusia di alam akhirat, pengajaran daripada perjanjian Allah SWT kepada Bani Israil untuk berpegang teguh kepada kitab Taurat, dan bahasan melanggar perintah Allah SWT.



ISBN 978-967-2171-80-5

